

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 35**

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan:

- a) perkembangan kerjasama dengan Kerajaan Negeri Kedah untuk mewartakan Hutan Ulu Muda sebagai hutan tadahan air, memandangkan pembalakan berterusan menjejaskan iklim mikro dan corak taburan hujan tempatan; dan
- b) kesediaan Kerajaan Pusat melunaskan pampasan yang dipersetujui Kerajaan Negeri Kedah setelah pewartaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Untuk makluman Ahli- ahli Yang Berhormat, kawasan hutan di Ulu Muda mempunyai enam (6) kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) yang berkeluasan lebih kurang 163 ribu hektar yang menempatkan tiga (3) empangan iaitu:

- (i) Empangan Pedu
- (ii) Empangan Kuala Muda
- (iii) Empangan Ahning

Daripada jumlah tersebut, seluas lebih kurang 51 ribu hektar telah dikelaskan sebagai Hutan Tadahan Air dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman No. 341 bertarikh 10 Mei 2018 di bawah Seksyen 10(1) Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313].

b) Pada masa ini, Kementerian sedang mengkaji beberapa insentif ekonomi melalui instrumen *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) bersama dengan Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk membantu Kerajaan Negeri yang telah mengambil tindakan melindungi kawasan perlindungan sedia ada dan menambah kawasan perlindungan yang baharu.

Sekian, terima kasih.